



**KENYATAAN TENDER
KADA (P)T6/2025**

1. Tawaran adalah dipelawa kepada Kontraktor-kontraktor yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam Gred G5 di bawah Pengkhususan CE 21 yang masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut:-

KERJA-KERJA BAGI PENGUKUHAN BENTENG SEMENTARA 'SHEET PILE' DI STESEN PAM KEMUBU, KOTA BHARU KELANTAN.

2. Kontraktor yang ingin memasuki tawaran diatas dikehendaki berkumpul di Auditorium KADA, pada **Jam 9.30 pagi, 15/06/2025 (Ahad)** untuk pendaftaran, Taklimat & Lawatan Tapak. Hanya penama yang tercatat di dalam sijil PPK dan SPKK sahaja yang dibenarkan menghadiri Taklimat dan Lawatan Tapak. Kontraktor/ Syarikat tidak boleh mewakilkan pegawai selain penama yang ada dalam PPK dan SPKK. *Taklimat dan Lawatan Tapak adalah diwajibkan.*
3. Dokumen Meja Tender akan dipamirkan di Pejabat Bahagian Kejuruteraan Awam, KADA pada waktu pejabat mulai **15/06/2025 (Ahad)**.
4. Satu set Dokumen Tender berharga **RM150.00**(Ringgit M'sia: Satu Ratus Lima Puluh Sahaja) yang tidak akan dikembalikan, boleh dibeli di Bahagian Pengurusan, Ibu Pejabat KADA mulai dari **15/06/2025 hingga 17/06/2025**. Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk Draf Bank/Wang Pos atau Wang Tunai. Draf Bank/Wang Pos dibuat di atas nama Pengurus Besar KADA.
5. Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada kontraktor yang telah menghadiri Taklimat dan Lawatan Tapak sahaja. Kontraktor hendaklah membawa sijil asal Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan dan *satu salinan* bagi setiap sijil tersebut semasa membeli dokumen tender.
6. Dokumen Tawaran Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul bermetri serta ditulis No. Tender KADA(P)T6/2025 kepada Pengurus Besar, Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu, Peti Surat 127, 15710 Kota Bharu, Kelantan dan mestilah dimasukkan ke dalam Peti Tender di Bahagian Pengurusan, KADA pada atau sebelum **Jam 12.00 tengahari 09/07/2025 (Rabu)**. Tawaran yang lewat diterima tidak akan dilayan.
7. KADA tidak akan terikat dengan mana-mana tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

Pengurus Besar
Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu
Kelantan.

Bertarikh : 29/05/2025.